

MEI 2024 / BIL. 11 / 2024

# EON

Epitome of Nature

KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN



MAJALAH PP BIOLOGI  
UITMCNS

ISSN 2773-5869



2773 586005



## MENILAI KESEJAHTERAAN BANDAR: FOKUS TAIWAN

Sharir Aizat Kamaruddin<sup>1</sup>, Aimie Rifhan Hashim<sup>1</sup>, Kharul Naim Abd. Aziz<sup>1</sup>, Siti Hafsa Zulkarnain<sup>2</sup>, Nurzaki Ikhsan<sup>3</sup>, Abdol Samad Nawi<sup>4</sup>, Rozita @ Uji Mohammed<sup>5</sup>, Hendry Joseph<sup>6</sup>, Alahasin Rubama<sup>7</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Applied Sciences, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600, Arau, Perlis, Malaysia

<sup>2</sup>Studies of Real Estate, School of Real Estate and Building Surveying, College of Built Environment, Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia

<sup>3</sup>College of Engineering, Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia

<sup>4</sup>Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kelantan 18500 Machang, Kelantan, Malaysia

<sup>5</sup>Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sabah 888997, Kota Kinabalu, Malaysia

<sup>6</sup>Faculty of Plantation and Agrotechnology, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sabah 888997, Kota Kinabalu, Malaysia

<sup>7</sup>ToCoDeS Legacy Sdn. Bhd., Team of Community Development Studies, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sabah, Beg Berkunci 71, 88997, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

[shariraizat@uitm.edu.my](mailto:shariraizat@uitm.edu.my)

EDITOR: DR. MUA'ADZ AHMAD MAZIAN

Sedar atau tidak, tidak dapat dinafikan lagi bahawa alam sekitar adalah aspek terpenting dalam kehidupan. Sumber semula jadi dan udara yang bersih adalah suatu kemestian bagi mengekalkan kualiti hidup yang baik, positif dan sihat. Persekutaran bandar yang baik, bersih, teratur, dan terpelihara dapat mengubah keseluruhan kualiti hidup kita dengan ketara. Meskipun, definisi "bersih" merupakan sesuatu yang subjektif bagi sesetengah pihak dan bergantung juga kepada perspektif komuniti secara umumnya, tidak dapat tidak, terdapat beberapa perkara yang boleh dipersetujui semua pihak iaitu kepentingnya untuk hidup dalam suasana dan komuniti yang bersih. Namun, persoalan yang cuba diutarakan oleh penulis, sejauh mana kebersihan mampu menjamin

kesejahteraan dan kesihatan setempat? Persoalan yang mudah, namun masih ramai yang belum mampu menafsirkannya. Selain itu, penulis juga ingin mencuba sedayanya untuk memfokuskan kepada Kota Taipei, Taiwan yang menerima ribuan pelancong saban tahun dan strategi yang dibawakan untuk memastikan penduduk di pulau ini terjamin kesejahteraan dan kebersihan seiring pembangunan pesat kotanya. Rumah dan bandar yang bersih mampu memberikan kesan-kesan positif kepada kesihatan dan kesejahteraan penduduknya. Kesejahteraan bandar mampu diperoleh bermula dari penekanan kepada aspek pertama iaitu kebersihan. Seterusnya adalah aspek kesihatan, aspek kualiti hidup, dan sehingga berjaya

menarik minat penduduk dan perniagaan baharu ke kawasan itu. Maka, hanya bermula dari kebersihan mampu memberi kesan yang ketara dan signifikan dalam jangka masa panjang. Dalam coretan ini, penulis akan membuat penilaian dan pendapat peribadi terhadap tempat penginapan dan kawasan-kawasan umum di sekitar Taiwan yang dilawati oleh penulis.

**Persekutaran bandar yang baik, bersih, teratur, dan terpelihara dapat mengubah keseluruhan kualiti hidup kita dengan ketara**

Atas sedikit kesempatan dan peluang untuk berada di Taiwan, penulis sempat menginap di salah sebuah hotel mewah Novotel Taipei Taoyuan International Airport semasa dalam perjalanan urusan kerja. Hotel ini terletak di No.1-1, Hangzhan S. Rd., Dayuan District., Taoyuan City 337041, Taiwan.

Penulis merasakan hotel ini sangatlah bersih disamping dekorasi gaya minimalis yang menarik. Konsep minimalis menitikberatkan hiasan yang tidak sarat, mengutamakan perabot penting dan pemilihan warna-warna neutral atau pastel. Ia juga menekankan fungsi dan praktikaliti setiap perabot untuk mengelakkan ruang kelihatan serabut dan sempit. Persekutaran yang minimalis menjana minda dan pemikiran yang lebih sihat.

Penulis juga sempat menggunakan keretapi yang menghubungkan antara bandar utama di sekitar Taiwan. Penulis juga memerhatikan keadaan tempat menunggu di stesen keretapi yang sangat bersih dan teratur. Namun, berbeza dari apa yang dilihat dari kaca mata, penulis ditemani dengan bauan yang tidak menyenangkan semasa merentasi kota untuk menuju ke bangunan Taipei 101. Terdapat bauan tajam dan hancing di sepanjang laluan pejalan kaki, di dinding-dinding bangunan serta sepanjang kawasan luar kota. Penulis cuba untuk berfikiran positif memikirkan kemungkinan bau tersebut adalah dari bauan




Gambar 1: Konsep Hotel Novotel Taipei Taoyuan International Airport yang mewah dan berkonsep minimalis  
(Sumber: Koleksi peribadi penulis)

ejen peluntur, pencuci atau sabun yang berbau tajam dantidak menyenangkan.



Gambar 2: Panorama pesekitaran Bangunan Taipei 101.  
(Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Penulis dan rakan-rakan juga sempat melawat kompleks bawah tanah *Taipei City Mall*. Di sini terdapat banyak restoran halal yang dikendalikan oleh warga Indonesia-Cina. Keadaan laluan bawah tanah ini dirasakan penulis amat memuaskan. Penulis cuma berharap agar pihak *Taipei City Mall* dapat meningkatkan kualiti kebersihan tandas. Keadaan tandas yang kurang bersih mampu memberi tanggapan negatif dalam kalangan para pelancong yang datang ke sana. Namun begitu, penulis amat teruja mendapati ramai pemilik kedai-kedai di sini mampu bercakap dalam Bahasa Melayu dan menyediakan juadah nusantara yang enak.



Gambar 3: Panorama ruang pejalan kaki berhampiran Taipei City Mall. (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

**Bukti statistik menyatakan bahawa kadar jenayah jauh lebih rendah di kawasan komuniti yang berbangga dengan penampilan bandar yang terancang**

Bandar yang bersih mampu mewujudkan persekitaran yang selamat dan mesra. Orang yang tinggal di bandar yang bersih umumnya berasa lebih baik dan bangga tentang komuniti mereka. Bukti statistik menyatakan bahawa kadar jenayah jauh lebih rendah di kawasan komuniti yang berbangga dengan penampilan bandar yang terancang.

Antara saranan bagi memastikan komuniti kita bersih adalah dengan menganjurkan hari pengambilan sampah sebulan sekali atau lebih kerap jika perlu. Ia juga penting untuk menggalakkan jiran-jiran di sekeliling untuk mengambil bahagian dalam acara ini, supaya mereka membiasakan diri untuk memastikan kawasan kejiranan berada dalam keadaan sejahtera dan kemas. Walaupun kita mungkin hanya menduduki sebahagian kecil bandar, namun kita masih boleh memastikannya bersih dan nyaman. Hujan emas di negara Taiwan, hujan batu di Negaraku. Walaupun banyak modenasi yang berlaku di Taiwan, penulis masih mencintai kesederhanaan negara Malaysia.

**Walaupun kita mungkin hanya menduduki sebahagian kecil bandar, namun kita masih boleh memastikannya bersih dan nyaman**

Semoga rakyat di negara ini mampu menjadikan bandar bersih dan sejahtera sejajar dengan hasrat matlamat pembangunan mampan yang lancarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terutamanya SDG 3 iaitu Kesihatan dan kesejahteraan baik.